

15 APR 1997

KELANTAN BERSEDIA MENGUASAI TEKNOLOGI MAKLUMAT

KOTA BAHARU, 15 April (Bernama) -- Penduduk Kelantan akan didedahkan sepenuhnya kepada penggunaan komputer supaya dapat menguasai teknologi maklumat, kata Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat hari ini.

Keutamaan akan diberikan kepada golongan pelajar supaya mereka dapat menguasai komputer pada usia yang muda, katanya kepada pemberita di sini selepas mengikuti sidang video mengenai Koridor Raya Multimedia (MSC) oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Menurutnya sebagai persediaan awal, sebuah kelas Sains Tulen khusus untuk pendidikan komputer telah diwujudkan di sekolah agama Maahad Muhammadi di sini yang kini telah melahirkan banyak pelajar yang celik komputer.

Kelas berkenaan akan diperluaskan ke sekolah-sekolah agama kelolaan kerajaan negeri di seluruh negeri itu, katanya.

Bagaimanapun perkembangan kelas berkenaan bergantung kepada kemampuan kewangan negeri dan dalam hubungan ini adalah lebih baik sekiranya kerajaan pusat dapat memberi geran kewangan supaya usaha itu lebih berkesan, katanya.

Mengenai sidang video itu, Nik Aziz berkata ia memberi peluang kepada penduduk Kelantan untuk mengikuti perkembangan terbaru dalam bidang teknologi maklumat. -- BERNAMA

BD NMO